

**TEKS UCAPAN
Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**



**MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2013 DAN
PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT 2014
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
DI AUDITORIUM BLOK D8, KOMPLEKS D, PUTRAJAYA**

PADA 15 MEI 2014

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Yang dihormati saudara dan saudari Pengerusi Majlis

Pertama sekali saya ingin menyampaikan ucapan salam daripada YB Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Pengangkutan Malaysia. Beliau tidak dapat bersama kita pada pagi ini kerana mempunyai keutamaan lain yang tidak dapat dielakkan.

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Yang Berbahagia Dato' Yap Kin Sian
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Yang Berusaha Datin Hajah Rohani binti Musa
Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian;

Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit; serta

YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan Warga Kementerian yang dikasihi
sekalian.

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya jua, dapat kita berkumpul dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan juga Perhimpunan Bulanan Kementerian bagi bulan Mei 2014. Sesungguhnya, hari ini merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa buat sebahagian daripada kita kerana pada hari ini kita meraikan insan-insan yang telah memberi perkhidmatan yang terbaik serta menyumbang kepada kejayaan MOT. Tidak dinafikan dalam melaksanakan tugas, ianya merupakan *integrated effort* daripada semua warga kerja MOT, namun hanya 8% warga kerja sahaja yang dapat kita berikan pengiktirafan iaitu “*the cream among the best*”.

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Warga MOT yang dihormati sekalian,

Kepimpinan negara sering kali membicarakan tentang usaha untuk menzahirkan sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pelbagai inisiatif telah dibentuk dan dilaksanakan seperti *Economic Transformation Programme (ETP)*, *Government Transformation Programme (GTP)*, *New Key Results Area (NKRA)* dan *New Key Economic Area (NKEA)* dalam merintis laluan ke arah menjadi sebuah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi. Namun usaha-usaha ini memerlukan modal insan yang terbaik dan berkualiti agar setiap apa yang dikata dapat dikota (*Walk The Talk*). Sehubungan itu jua, dalam

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

melahirkan modal insan yang berkualiti, satu sistem latihan yang komprehensif serta pendedahan yang bersesuaian perlu disediakan.

Pengalaman sering kali mengajar kita, menurut seorang saintis terkenal, Albert Einstein “*A Person Who Never Made A Mistake, Never Tried Anything New*”. Sebagai iktibar daripada pengalaman yang baru kita lalui, iaitu Tragedi MH370 benar-benar menguji kewibawaan kita dalam menangani kemelut yang berlaku. Lantas ianya menuntut satu kemahiran berkomunikasi yang tinggi, pengurusan krisis serta perundingan untuk membolehkan kita lebih bersedia dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Pengalaman berharga ini tidak

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

dapat kita perolehi daripada mana-mana melainkan kita sendiri berhadapan dan mengalami setiap proses yang berlaku.

Warga MOT yang dihormati sekalian,

Sesungguhnya setiap apa yang berlaku ada hikmah disebaliknya. Melalui insiden yang terjadi pada tanggal 8 Mac 2014 telah melakarkan satu sejarah dalam industri penerbangan dunia. Perkara ini belum pernah berlaku dan kebetulan negara kita yang terpaksa berhadapan dengan musibah yang melanda. Kita akur dengan ketentuan yang berlaku, namun usaha-usaha berterusan tetap kita jalankan. Sebagai sebuah negara yang mendokong

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi, beberapa siri *engagement* dengan negara-negara luar sebelum ini telah menampakkan kesannya bilamana banyak negara anggota yang turut membantu negara dalam misi pencarian yang masih belum menemui penghujungnya. Saya berharap agar kita sama-sama mendoakan pengakhiran yang terbaik dan semoga Allah memberkati usaha-usaha yang telah kita jalankan.

Warga MOT yang saya kasihi sekalian,

Selama hampir setahun, saya bersama YB Datuk Seri Hishamuddin menerajui kepimpinan di Kementerian Pengangkutan. Banyak kejayaan yang

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

telah terlakar dan diantaranya termasuklah kejayaan Malaysia mengekalkan kerusi sebagai Ahli Majlis di *International Maritime Organisation (IMO)* bagi penggal ke-5 berturut-turut iaitu bagi tempoh 2014 hingga 2015.

Negara juga turut menduduki semula kerusi sebagai Ahli Majlis di *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* bagi penggal 2013 hingga 2016 dalam Perhimpunan Agong ICAO ke-38 di Montreal, Kanada yang telah berlangsung dari 24 September hingga 4 Oktober 2013. Kejayaan ini adalah manifestasi daripada keyakinan negara-negara Pejanji ICAO terhadap sumbangan negara kepada organisasi berkenaan terutama dalam bidang penerbangan awam.

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Sesungguhnya kejayaan ini merupakan satu penghormatan kepada negara dan telah berjaya menaikkan profil Malaysia di persada antarabangsa.

Seterusnya, Kementerian juga telah melaksanakan program *rebranding* semula Logo MOT yang telah disempurnakan pelancarannya oleh saya sendiri pada 22 November 2013. Pertukaran logo ini adalah merupakan buah fikiran YB Menteri Pengangkutan bagi membentuk semula imej Kementerian supaya lebih menarik serta dapat menggambarkan peranan Kementerian ini sebagai sebuah institusi penting dalam menerajui Sektor Pengangkutan Negara. Syabas saya ucapkan kepada Unit Komunikasi Korporat yang merupakan penggerak dalam merealisasikan logo baru ini.

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Saya amat mengharapkan Kementerian Pengangkutan dapat melaksanakan Program Transformasi MOT secara berterusan selaras dengan Program Transformasi dalam Perkhidmatan Awam. Usaha dan inisiatif ini wajar kita dokong secara bersama dan perluaskan demi memastikan Perkhidmatan Awam kekal relevan dan berdaya saing setaraf dengan Perkhidmatan Awam di negara-negara maju di dunia.

Sehingga kini, saya boleh berbangga kerana dapat berkhidmat dengan warga MOT yang senantiasa memberikan komitmen dan perkhidmatan yang berkualiti ke arah mencapai hasrat dan aspirasi Kerajaan.

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Dalam kita menelusuri jejak kejayaan, majlis seumpama ini adalah merupakan satu landasan yang tepat untuk kita mengiktiraf serta menghargai perkhidmatan cemerlang yang telah dimanifestasikan oleh setiap pegawai awam. Setiap seorang daripada tuan/puan telah memberikan komitmen yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Walau bagaimanapun, seperti saya maklumkan tadi, pengiktirafan ini hanya dapat kita peruntukan kepada 8% daripada keseluruhan warga Kementerian, Jabatan dan Agensi.

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

Majlis APC 2013 yang diadakan hari ini adalah khusus bagi mengiktiraf 34 warga Kementerian iaitu masing-masing 28 pegawai di MOT, tiga (3) pegawai di Perbadanan Aset Keretapi dan tiga (3) pegawai di Lembaga Pelabuhan Kuantan yang cemerlang. Sesungguhnya kejayaan mereka seharusnya dijadikan sebagai pemangkin untuk kita lebih berjaya pada masa akan datang. Justeru itu, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada mereka yang telah terpilih sebagai penerima APC 2013.

Sebagai makluman, Kementerian juga telah bersetuju untuk meneruskan amalan pemberian Sijil Penghargaan kepada seramai 219 warga kerja MOT

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

yang berjaya mendapat markah LNPT 90% dan ke atas. Sesungguhnya, penganugerahan ini adalah satu tanda pengiktirafan daripada kerajaan dan Kementerian Pengangkutan terhadap prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh tuan/puan sepanjang tahun lalu.

Pada majlis ini juga, Kementerian mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah berkhidmat melebihi 30 tahun. Sesungguhnya begitu besar sumbangan dan khidmat bakti yang tuan/puan berikan dalam meletakkan Perkhidmatan Awam ditempat yang seharusnya. Kesetiaan dan

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

pengorbanan tuan/puan amatlah dihargai oleh negara dan pada hari ini, kita merakam ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada 110 pegawai yang akan dianugerahkan dengan Sijil Berkhidmat Lama. Semoga tuan/puan dapat terus memberikan sumbangan kepada Perkhidmatan Awam khususnya dan negara meskipun tidak lagi berada dalam perkhidmatan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2013. Bagi pegawai lain, teruskan usaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan saya doakan semoga anda juga suatu ketika nanti akan

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

berada di pentas kecemerlangan sepertimana rakan-rakan anda pada hari ini. Saya meletakkan setinggi harapan dan keyakinan bahawa anda semua adalah merupakan insan-insan cemerlang yang bakal merubah lanskap perkhidmatan awam dan MOT khususnya.

Sebagai mengakhiri ucapan saya pagi ini, saya ingin memetik kata-kata daripada Niccolo Machiavelli iaitu *“Ada tiga kategori kebijaksanaan, kategori pertama memahami sesuatu dengan sendirinya, kedua memahami sesuatu berdasarkan pemahaman orang lain dan yang ketiga tidak memahami sesuatu dengan sendiri atau melalui orang lain. Kesimpulannya kategori pertama*

TEKS UCAPAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

adalah orang yang cemerlang, kategori kedua adalah orang yang baik dan kategori ketiga adalah orang yang tidak berguna". Maka jadilah insan yang pertama sekiranya tuan/puan ingin berada di pentas sepertimana rakan-rakan kita pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

TAMAT